



SIARAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-16

**PELAKSANAAN PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT
(PRIHATIN) & PELAN JANA SEMUA EKONOMI NEGARA (PENJANA)**

11 Ogos 2020



PENGENALAN

1. Pada minggu ini, **Laporan LAKSANA Ke-16** akan merangkumi 3 perkara:
 - a. Pertama, status pencapaian Pakej PRIHATIN;
 - b. Kedua, status pelaksanaan PENJANA; dan
 - c. Ketiga, ulasan isu semasa.

PRIHATIN MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT

2. **Pertama, Bantuan Sara Hidup atau BSH.** Penerima BSH yang diluluskan tetapi tidak dapat dikreditkan ke dalam akaun bank boleh menuntut secara tunai di mana-mana cawangan Bank Simpanan Nasional (BSN) **sehingga 31 Disember 2020.** **Permohonan Rayuan BSH 2020** sudah dibuka mulai **7 Ogos 2020 hingga 6 September 2020.** Tiada sebarang bayaran bagi penerimaan permohonan atau rayuan.
 - a. **Proses rayuan boleh dibuat melalui:**
 - Cawangan LHDNM / Pusat Khidmat Hasil (PKH) / Pusat Transformasi Bandar (Urban Transformation Center – UTC).
 - Secara dalam talian (*on-line*) bagi pemohon yang berstatus Tidak Lulus (berdasarkan kriteria tertentu sahaja).

Sila layari pautan berikut bagi maklumat lanjut <https://bsh.hasil.gov.my/>

- b. Orang ramai diingatkan bahawa pihak **LHDNM tidak menyediakan perkhidmatan pendaftaran Bantuan Sara Hidup (BSH) secara bergerak melalui Pegawai BSH atau melantik mana-mana individu untuk menjawab pertanyaan dan soalan mengenai BSH menerusi WhatsApp atau panggilan menggunakan nombor talian peribadi** seperti yang tular di dalam Facebook atau media sosial. Orang ramai juga dinasihatkan untuk lebih peka terhadap **kewujudan laman sesawang / facebook / twitter palsu** di media sosial dan tidak mengakses atau memberikan sebarang maklumat peribadi di laman sesawang berkenaan.
3. **Kedua, Bantuan Prihatin Elektrik (BPE):** BPE adalah pakej bantuan tambahan yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia bersama TNB dalam bentuk manfaat penggunaan elektrik percuma sehingga RM77 sebulan, bersamaan penggunaan elektrik sehingga 300kWj pertama untuk tempoh 3 bulan pelaksanaan PKP. Di samping itu, bagi pengguna domestik yang menggunakan elektrik di antara 601-900 kWj sebulan akan menikmati diskaun tambahan sebanyak 10% iaitu tambahan 8% daripada kadar diskaun sedia ada sebanyak 2% mulai bulan April 2020 hingga Disember 2020. Sehingga 31 Julai 2020, **nilai BPE adalah sebanyak RM566.6 juta**. Dari angka ini, sebanyak **RM364.5 juta** telah dimanfaatkan oleh **7.66 juta** individu manakala **RM202.1 juta** telah dimanfaatkan oleh 1.44 juta perniagaan (**1.44 juta**).

PRIHATIN MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

4. Sehingga 31 Julai 2020, **sebanyak RM8.99 bilion Subsidi Upah** telah diluluskan (peningkatan daripada RM8.97 bilion) yang memanfaatkan lebih **2.6 juta** pekerja (peningkatan daripada 2.58 juta).
5. Program Subsidi Upah dapat terus membantu majikan dan pekerja yang terkesan akibat COVID-19. Untuk makluman semua, pihak PERKESO juga telah memuat naik nama-nama majikan yang telah menerima bantuan PSU. Jika ada majikan yang mengambil subsidi tetapi masih memberhentikan atau memotong gaji pekerja tanpa persetujuan mereka, orang ramai boleh membuat aduan kepada pihak PERKESO di e-mel aduansip@perkeso.gov.my atau talian 1300 228 000 untuk tindakan lanjut.

Program Subsidi Upah	Jumlah diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Majikan*	Jumlah Pekerja* (juta)
31 Julai	8.99	318,258	2.60
24 Julai	8.97	317,292	2.58
20 Julai	7.82	314,423	2.55
10 Julai	7.79	313,644	2.53
3 Julai	7.15	310,622	2.48
26 Jun	7.07	307,518	2.46
19 Jun	4.89	303,596	2.40
12 Jun	4.08	295,265	2.31
5 Jun	4.00	293,033	2.30
31 Mei	3.22	286,338	2.20
17 Mei	2.24	267,752	2.00
10 Mei	2.10	258,165	1.90
3 Mei	1.90	235,000	1.70
26 April	1.35	195,000	1.50
19 April	1.20	159,000	1.00

PRIHATIN MATLAMAT 3: PERKUKUH EKONOMI

6. Bagi **Moratorium Bayaran Balik Pinjaman Institusi Kewangan** sejak berkuatkuasa pada 1 April 2020 yang lalu, setakat 31 Julai 2020, **nilai moratorium** tersebut dianggarkan berjumlah **RM66.6 bilion**. Dari angka ini, sebanyak RM23.3 bilion adalah jumlah yang dimanfaatkan oleh sektor perniagaan manakala jumlah yang dimanfaatkan oleh Rakyat bernilai RM43.3 bilion.

a. Menjelang tamatnya moratorium secara umum pada 30 September 2020, institusi perbankan terus bersedia untuk membantu peminjam yang terjejas akibat COVID-19 melalui **moratorium lanjutan dan bantuan bank bersasar**.

- **Pertama, bagi individu yang kehilangan pekerjaan pada tahun 2020 dan masih belum mendapat pekerjaan baharu**, akan menikmati moratorium lanjutan bersasar untuk tempoh 3 bulan. Selepas 3 bulan, tempoh moratorium boleh dilanjutkan oleh bank-bank bergantung kepada situasi individu masing-masing; dan
- **Kedua, bagi individu yang masih bekerja tetapi gaji mereka terjejas atau berkurangan akibat COVID-19**, bayaran ansuran bulanan akan dikurangkan selaras dengan kadar pengurangan gaji, bergantung kepada jenis pinjaman.

b. Pihak terkesan boleh hubungi institusi perbankan mulai 7 Ogos 2020 untuk berbincang dan memohon fleksibiliti pembayaran balik. Maklumat lanjut boleh didapati di www.facebook.com/bnm.official/posts/10158571163499872.

7. Maklumat pencapaian inisiatif-inisiatif lain PRIHATIN boleh dirujuk di Lampiran laporan.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

8. Di bawah PENJANA, inisiatif-inisiatif terbahagi kepada tiga matlamat:
 - a. Memperkasakan Rakyat
 - b. Melonjakkan Perniagaan
 - c. Merangsang Ekonomi

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

9. **Pertama, di bawah program My30**, setakat 31 Julai 2020, **sebanyak 204,325 pas telah dijual** (peningkatan daripada **179,349 pas**) **dan subsidi Kerajaan bagi pas-pas My30 setakat ini bernilai RM34.7 juta** (peningkatan daripada RM30.5 juta). Pas My30 boleh digunakan untuk MRT, LRT, monorel, BRT, Bas RapidKL dan Bas Pengantara MRT.
10. **Kedua, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan.** Sejak pendaftaran dibuka pada 15 Jun 2020, **seramai 9,884** (peningkatan daripada **7,543** juta) **pekerja telah mendapat pekerjaan**. Jumlah ini merangkumi **7,100** di bawah umur 40 tahun, **1,500** bagi 40 - 60 tahun, **84** OKU **dan 1200** Perantis.
11. **Ketiga, Bantuan Sosial bagi Golongan Mudah Terjejas** iaitu bantuan *one-off* RM300 sudah di bayar melibatkan kumpulan berikut:
 - a. **Kumpulan OKU:** Seramai **185,713** **penerima** melibatkan jumlah bayaran sebanyak **RM55.7 juta**
 - b. **Perkhidmatan Bantuan Rumah:** Seramai **1,815** **penerima** melibatkan jumlah bayaran sebanyak **RM544,500**
 - c. **Kumpulan ibu tunggal:** Seramai **1,350** **penerima** melibatkan jumlah bayaran sebanyak **RM405,000**
12. **Keempat, insentif menggalakkan pusat asuhan kanak-kanak mengamalkan norma baharu dan pengiktirafan premis:** Geran secara *one-off* sehingga RM5,000 disalurkan kepada setiap pengendali taska dan tadika yang berdaftar di bawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). **Setakat 31 Julai 2020, 1,785 buah taska telah disemak dan diluluskan dengan jumlah peruntukan RM8.3 juta.**
13. **Kelima, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Bagi meningkatkan kebolehpasaran belia dan penganggur, Kerajaan dengan kerjasama beberapa Kementerian dan agensi akan melaksanakan **program latihan dan peningkatan kemahiran bagi golongan belia dan penganggur**. Program-program yang bakal dilancarkan ini dianggarkan dapat memanfaatkan hampir 200,000 belia dan penganggur.

14. Antara pihak-pihak yang terlibat adalah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (HRDF), Kementerian Pengajian Tinggi, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pihak Berkuasa Perlaksanaan Koridor Utara (NCIA), Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) dan Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan Kementerian Belia dan Sukan. **Antara inisiatif yang sudah bermula adalah dibawah kelolaan HRDF iaitu:**

(a) 5 Inisiatif yang dikenali sebagai **Penjana HRDF** yang merangkumi:

- Penempatan dan Latihan
- Peningkatan Kemahiran dan Latihan Kemahiran Baru;
- Pembangunan Perusahaan Kecil Sederhana (PKS);
- Pembangunan B40; dan
- Gerak Insan Cemerlang (GIC).

Untuk maklumat lanjut, sila layari <https://penjanahrdf.com.my/>

(b) Para majikan juga dijemput untuk menjadi Rakan Kerjaya dibawah **inisiatif Penempatan dan Latihan** dengan menawarkan penempatan pekerjaan di syarikat. **Permohonan di buka sehingga 14 Ogos 2020** dan bagi yang berminat sila rujuk pautan <https://penjanahrdf.com.my/employer/>

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

15. **Skim Pemulihan Perniagaan Tekun** atau **TEKUN Business Recovery Scheme – TBRS**). Setakat 31 Julai 2020, sebanyak **1,810 permohonan diluluskan** (peningkatan daripada 718) **berjumlah RM13.3 juta** (peningkatan daripada RM5.27 juta). Daripada jumlah ini, sebanyak **RM6.8 juta** telah disalurkan dan memanfaatkan **900 PKS Miro**.

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

16. **Pertama, ePenjana:** adalah salah satu inisiatif yang bertujuan untuk membantu Rakyat Malaysia yang layak serta merancakkan perbelanjaan pengguna melalui pemberian kredit RM50 yang dipadankan insentif bernilai RM50. ePENJANA dilancarkan pada 31 Julai 2020 dengan kerjasama aplikasi **pengesan kontak MySejahtera COVID-19** dan salah satu daripada tiga penyedia perkhidmatan e-dompet terkemuka, iaitu, Boost, GrabPay dan Touch 'n Go eWallet. **Sehingga 7 Ogos, 7.44 juta rakyat telah berjaya menerima RM50 dalam e-Dompet mereka dengan jumlah nilai sebanyak RM372 juta**. Sekiranya orang ramai terdapat sebarang pertanyaan / kemusykilan mengenai kredit ePENJANA melalui e-Dompet pilihan anda, sila hubungi:

(a) **Boost:**

- E-mel: support@myboost.com.my
- Telefon: +603-2260 9494
- Laman sesawang: <https://support.myboost.com.my/hc/enus/requests/new>

(b) **GrabPay:**

- E-mel: epenjana@grab.com
- Telefon: +603-2788 1300
- Laman Sesawang: <https://help.grab.com/passenger/enmy/360045705731>

(c) **Touch 'n Go e-Wallet**

- E-mel: tngewalletcs@tngdigital.com.my
- Telefon: +603-5022 3888
- Laman sesawang: <https://tngd.my/careline-webform>

15. **Kedua**, pengguna diingatkan bahawa mereka boleh memanfaatkan **Insentif Cukai untuk Pembelian Kereta iaitu pengecualian cukai jualan**. Untuk model-model kereta penumpang pemasangan tempatan (CKD), pengecualian cukai adalah 100%, manakala model-model kereta penumpang import (CBU) pula ditolak sebanyak 50% bermula pada 15 Jun sehingga penghujung Disember 2020. Usaha ini dilakukan kerajaan bagi merancakkan kembali industri automotif di dalam negara. Berdasarkan laporan yang dikeluarkan oleh *Malaysian Automotive Association* bagi bulan Jun 2020, **jumlah jualan pada bulan Jun 2020 adalah 5% lebih tinggi daripada bulan yang sama pada tahun 2019**. Ini merupakan perkembangan positif dan selaras dengan matlamat inisiatif ini.

ULASAN ISU SEMASA

16. Inisiatif kerajaan melalui **PRIHATIN dan PENJANA** bagi menggerakkan semula ekonomi negara sudah mula menunjukkan hasil positif apabila Jabatan Perangkaan (DOSM) mengumumkan kadar pengangguran semakin berkurangan berdasarkan statistik terbaharu pada bulan Jun 2020. **Kadar pengangguran pada bulan Jun 2020 susut sebanyak 0.4 peratus kepada 4.9 peratus berbanding 5.3 peratus bulan sebelumnya**. Meskipun terdapat perkembangan positif, kerajaan akan terus memberi perhatian dalam menangani pengangguran dikalangan Rakyat.
17. Tanda-tanda pemulihan ini akan berterusan sekiranya rakyat terus membudayakan norma baharu dalam kehidupan harian. Perlaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara menyeluruh akan menyebabkan masalah lain termasuk mengganggu usaha memulihkan ekonomi dan fokus kerajaan dalam perancangan Belanjawan 2021 yang akan tertumpu kepada usaha merancakkan semula ekonomi selain memulihkan keyakinan pelabur.

18. Untuk memastikan kejayaan Belanjawan 2021, pasukan dari Kementerian Kewangan meneruskan Jelajah Belanjawan 2021 untuk mengambil maklum balas daripada pelbagai golongan masyarakat dan industri.
- a. Pada minggu lalu, pasukan Kementerian Kewangan telah menghadiri sesi dialog ***Townhall Selangor Youths have a SAY!*** anjuran **Selangor Youth Community - SAY** Community bersama DYTMM Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah, Tan Sri Jeffrey Cheah, Pengerusi Sunway Group, wakil-wakil NGO, Kementerian dan korporat, dan komuniti belia. Segala input yang diberi oleh peserta program akan diteliti dan dipertimbangkan bagi memastikan golongan belia akan mendapat sokongan dari segi pendidikan awam yang baik serta ekonomi agar mereka dapat berdikari, kekal berdaya saing serta berjaya.
 - b. Jelajah Belanjawan 2021 diteruskan di Pulau Pinang yang melibatkan beberapa sesi konsultansi meliputi pelbagai industri. Ini termasuk Kumpulan peranti perubatan (*medical devices*) dan *Association of Malaysian Medical Industries* (AMMI), *InvestPenang*, *Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA), *Malaysian Investment Development Authority* (MIDA), *ViTrox Campus 2.0* iaitu syarikat berasaskan elektrik & elektronik (E&E) tempatan yang terkemuka, dan *Think City HQ*.
19. Maklumbalas yang diterima akan pertimbangkan untuk memastikan Belanjawan 2021 adalah mesra Rakyat dan perniagaan. Kesemua orang awam, peniaga dan pihak berkenaan dijemput untuk mengemukakan pandangan dan cadangan mengenai Belanjawan 2021 ke belanjawan2021@treasury.gov.my. Maklumbalas amat dihargai.

Terima kasih.

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Aziz

Menteri Kewangan

Kementerian Kewangan Malaysia

11 Ogos 2020

LAMPIRAN - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1	Program i-Lestari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	a. Sehingga 31 Julai 2020, jumlah pengeluaran kumulatif antara April sehingga Julai 2020 adalah sebanyak RM 5.71 bilion (peningkatan daripada RM 5.66 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.5 juta penerima (peningkatan daripada 4.48 juta). b. KWSP menyediakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) secara percuma bagi membolehkan perancangan persaraan. Maklumat mengenai perkhidmatan ini boleh didapati di https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service dan ianya terbuka kepada orang ramai termasuk bukan ahli KWSP.
2	Pemandu teksi	Kerajaan telah menyalurkan bantuan kepada 29,665 pemandu teksi (peningkatan daripada 29,193) berjumlah RM17.8 juta (peningkatan daripada RM17.5 juta) buat penerima fasa pertama. Bagi penerima fasa kedua , pembayaran telah mula dibuat pada 22 Julai 2020 yang melibatkan 4,814 pemandu . Setakat 31 Julai 2020, sebanyak 1,376 pemandu telah menerima pembayaran bagi fasa kedua yang berjumlah RM825,000
3	Pemandu Pelancong	Sehingga 31 Julai 2020, seramai 7,570 pemandu pelancong (peningkatan daripada 7,547 pemandu) telah menerima bantuan berjumlah RM4.54 juta (peningkatan daripada RM4.53 juta)
4	Pemandu bas pelancongan	Pembayaran kepada 3,104 bagi pemandu bas pelancongan telah mula dibuat pada 22 Julai 2020. Setakat 31 Julai 2020, seramai 2,870 pemandu bas pelancong telah menerima bantuan berjumlah RM1.7 juta .

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN

5.	Program Bantuan Majikan Covid-19 (e-CAP) KWSP	Sehingga 31 Julai 2020, sebanyak 65,986 permohonan (peningkatan daripada 65,122 minggu lalu) telah diterima dan daripadanya, 12,425 permohonan telah diluluskan bernilai RM82.1 juta (peningkatan daripada RM80.9 juta minggu lalu) bagi caruman KWSP majikan. <table><tr><th>Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP</th><th>Jumlah permohonan diterima*</th><th>Jumlah permohonan diluluskan*</th><th>Jumlah diluluskan* (RM juta)</th></tr><tr><td>31 Julai</td><td>65,986</td><td>12,425</td><td>82.1</td></tr><tr><td>24 Julai</td><td>65,122</td><td>12,165</td><td>80.9</td></tr><tr><td>20 Julai</td><td>64,265</td><td>11,930</td><td>79.3</td></tr><tr><td>10 Julai</td><td>58,455</td><td>11,370</td><td>76.1</td></tr><tr><td>3 Julai</td><td>37,900</td><td>10,528</td><td>70.4</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>36,107</td><td>9,542</td><td>63.9</td></tr><tr><td>19 Jun</td><td>34,246</td><td>8,489</td><td>56.8</td></tr><tr><td>12 Jun</td><td>31,400</td><td>7,194</td><td>47.9</td></tr><tr><td>5 Jun</td><td>29,601</td><td>6,457</td><td>42.9</td></tr><tr><td>31 Mei</td><td>26,509</td><td>5,245</td><td>34.8</td></tr><tr><td>17 Mei</td><td>20,771</td><td>3,168</td><td>20.6</td></tr><tr><td>10 Mei</td><td>13,690</td><td>2,032</td><td>13.4</td></tr></table> <i>*Jumlah kumulatif</i>	Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)	31 Julai	65,986	12,425	82.1	24 Julai	65,122	12,165	80.9	20 Julai	64,265	11,930	79.3	10 Julai	58,455	11,370	76.1	3 Julai	37,900	10,528	70.4	26 Jun	36,107	9,542	63.9	19 Jun	34,246	8,489	56.8	12 Jun	31,400	7,194	47.9	5 Jun	29,601	6,457	42.9	31 Mei	26,509	5,245	34.8	17 Mei	20,771	3,168	20.6	10 Mei	13,690	2,032	13.4
Bantuan majikan Covid-19 (e-CAP) KSWP	Jumlah permohonan diterima*	Jumlah permohonan diluluskan*	Jumlah diluluskan* (RM juta)																																																			
31 Julai	65,986	12,425	82.1																																																			
24 Julai	65,122	12,165	80.9																																																			
20 Julai	64,265	11,930	79.3																																																			
10 Julai	58,455	11,370	76.1																																																			
3 Julai	37,900	10,528	70.4																																																			
26 Jun	36,107	9,542	63.9																																																			
19 Jun	34,246	8,489	56.8																																																			
12 Jun	31,400	7,194	47.9																																																			
5 Jun	29,601	6,457	42.9																																																			
31 Mei	26,509	5,245	34.8																																																			
17 Mei	20,771	3,168	20.6																																																			
10 Mei	13,690	2,032	13.4																																																			
6.	Dana Pinjaman Mudah PKS (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia	Setakat 31 Julai 2020, permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetujuterima oleh PKS adalah RM9.63 bilion (peningkatan daripada RM9.42 bilion minggu lalu) dan ini akan memanfaatkan 21,410 PKS (peningkatan daripada 21,063 minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility, Automation & Digitalisation Facility, All-Economic Sector Facility dan Agrofood Facility</i>. <table><tr><th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr><tr><td>31 Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr><tr><td>24 Julai</td><td>9.4</td><td>21,063</td></tr><tr><td>20 Julai</td><td>9.2</td><td>20,815</td></tr><tr><td>10 Julai</td><td>9.1</td><td>20,545</td></tr><tr><td>3 Julai</td><td>8.8</td><td>20,104</td></tr><tr><td>26 Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr></table>	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	31 Julai	9.6	21,410	24 Julai	9.4	21,063	20 Julai	9.2	20,815	10 Julai	9.1	20,545	3 Julai	8.8	20,104	26 Jun	8.4	19,539																															
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetujuterima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																																				
31 Julai	9.6	21,410																																																				
24 Julai	9.4	21,063																																																				
20 Julai	9.2	20,815																																																				
10 Julai	9.1	20,545																																																				
3 Julai	8.8	20,104																																																				
26 Jun	8.4	19,539																																																				

		19 Jun	8.2	19,253
		12 Jun	7.8	18,449
		5 Jun	7.5	18,227
		31 Mei	6.9	16,833
		17 Mei	5.8	14,075
		10 Mei	4.7	11,975
		3 Mei	3.0	6,840
		26 April	1.5	3,636
		<i>*Jumlah kumulatif</i>		
7.	Skim Kredit Mikro BSN	Setakat 31 Julai 2020, pembayaran telah dibuat kepada 8,738 PKS (peningkatan daripada 7,949 minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM302.2 juta (peningkatan daripada RM278 juta minggu lepas)		
8.	Program TEKUN	Setakat 31 Julai 2020, pembayaran telah dibuat kepada 24,465 PKS (peningkatan daripada 24,187 penerima minggu lepas) melibatkan jumlah sebanyak RM183.55 juta (peningkatan daripada RM181 juta minggu lepas).		